



Tel : 04-2615669
: 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Syariah 2/24

25 Mar 2024 / 14 Ramadhan 1445H

Kepada semua Ahli dan Pelatih Dalam Kamar Peguam Pulau Pinang,

IFTAR UKHUWWAH 8 1445H/2024

Dengan segala hormatnya pihak kami merujuk kepada Pekeliling Syariah 1/24 yang bertarikh 11 Mar 2024.

Iftar Ukhuwwah merupakan program tahunan "Buka Puasa" anjuran bersama Jawatankuasa Kecil Syariah dengan Mahkamah Negeri Pulau Pinang, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pendakwaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang dan juga Jawatankuasa Qayah Masjid Melayu Lebuh Acheh.

Disamping berbuka puasa bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dan ukhuwwah, kita dapat turut beramal dengan menyantuni golongan gelandangan dan orang-orang yang memerlukan dimana bubur lambuk akan diagihkan di kawasan sekitar Masjid Melayu Lebuh Acheh.

Dengan semangat bulan Ramadan yang penuh dengan kebaikan ini, pihak kami dengan rendah diri ingin menjemput Tuan/Puan bersama-sama untuk turut serta menghadiri Iftar Ukhuwwah ini yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **27 Mac 2024 (Rabu)**

Masa : **5:30 petang – 10:00 malam**

Tempat : **Masjid Melayu Lebuh Acheh, Georgetown, Pulau Pinang**

Pihak kami dengan ini melampirkan sesalinan '**Tentatif Program Iftar Ukhuwwah 8**' untuk makluman pihak Tuan/Puan. Sokongan dan penglibatan Tuan/Puan dalam program ini amat dialu-alukan dan dihargai.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak Tuan/Puan bolehlah menghubungi Tn Hj Muneer di talian 019-4770077 atau Pn Sharifah Nur Hanim di talian 012-4001771.

Sekian, terima kasih.

Sharifah Nur Hanim binti Syed Hamid
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Syariah

TENTATIF PROGRAM IFTAR UKHUWWAH 8

5:30 ptg	Berkumpul di Masjid Melayu Lebuh Aceh, Georgetown
5:45 ptg	Sesi bersama membungkus bubur lambuk dan penyediaan tempat berbuka puasa
6:15 ptg	Edaran bubur lambuk kepada gelandangan dan pengguna lalu lintas di kawasan sekitarnya
6:45 ptg	Perasmian dan Ucapan Aluan Iftar Ukhuwwah 8
7:15 ptg	Berkumpul di foyer masjid
7:29 mlm	Berbuka puasa
7:35 mlm	Solat Maghrib berjemaah
7:45 mlm	Jamuan Makan Malam
8:38 mlm	Solat Isyak & Terawih
10:15 mlm	Jamuan Moreh
10:30 mlm	Bersurai